

Perpecahan ASEAN berisiko dieksploitasi

Anwar mahu negara anggota kekal bersatu, tegas bawa mesej kepada dunia

Daripada Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Vientiane, Laos: ASEAN mesti kekal bersatu dan sebarang perpecahan dalam blok serantau ini berisiko dieksploitasi, yang boleh merugikan keutamaan dan kesatuan ASEAN, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ketika ketegangan global terus meningkat dan polarisasi dilihat mengatasi integrasi, perpecahan dalam ASEAN berisiko dieksploitasi sehingga merugikan keutamaan dan kesatuan ASEAN.

"Adalah menjadi tanggungjawab kita, negara anggota ASEAN untuk menolak perkara yang cenderung menyebabkan perpecahan.

"Justeru, ASEAN mesti tegas dan berpendirian dalam menghantar mesej yang jelas kepada dunia yang ASEAN mesti kekal bersatu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan kenyataan negara pada sesi plenari di Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 serta Sidang Kemuncak Berkaitan di Pusat Konvensyen Kebangsaan (NCC) di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, seperti mana keamanan dan kestabilan penting untuk pertumbuhan dan kemakmuran berterusan rantau ini, adalah penting bagi ASEAN untuk terus memupuk dan mengukuhkan hubungan dengan rakan dialog serta luarnya.

"Kita tidak boleh memandang remeh kepentingan dialog dan kerjasama sebagai asas persahabatan serta hubungan yang baik.

"Justeru, kita menggalakkan rakan dialog untuk menguruskan perbezaan mereka demi mencapai hasil yang positif," katanya.

Menjelang kepengerusian ASEAN pada tahun depan, Perdana Menteri berkata, Malaysia komited untuk membina masa

depan yang lebih inklusif dan mampan bagi rantau Asia Tenggara.

Katanya, Malaysia yakin ASEAN akan berada pada kedudukan yang lebih kuat untuk mendepani cabaran dan menyambut peluang yang akan datang, terutama ketika menyambut ulang tahun ke-10 Komuniti ASEAN tahun depan.

"Kita menantikan Visi Komuniti ASEAN 2045 dan Pelan Strategiknya diterima pakai pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-46.

"Dokumen ini akan merangka laluan strategik bagi rantau ini pada tahun akan datang dan mencerminkan harapan rakyat kita untuk sebuah rantau yang aman, stabil dan makmur, yang akan memberi sumbangan positif kepada pembangunan global," katanya.

Sedia bantu mangsa Yagi

Pada sidang plenari itu, Perdana Menteri turut merakamkan rasa simpati kepada Laos, Myanmar, Filipina, Thailand dan Vietnam yang terjejas akibat Taufan Yagi, baru-baru ini, dan menyatakan kesediaan Malaysia untuk memberi sokongan melalui usaha pemuliharaan.



Anwar pada sesi plenari di Sidang Kemuncak ASEAN ke-44, dan ke-45 serta NCC di Vientiane, Laos, semalam. (Foto BERNAMA)

Anwar juga mengetengahkan cadangan Malaysia bagi memacu pembabitan strategik ASEAN dalam pertumbuhan perdagangan, hubungan pelaburan dan transformasi digital.

Katanya, langkah yang perlu dilakukan negara anggota, termasuk mengukuhkan asas ASEAN, memperkukuh rantaian nilai serantau dan kerjasama regulatori.

Selain itu, mencipta dan menyusun semula serta menyela-

raskan ekonomi blok serantau berkenaan dan memanfaatkan kekuatan masing-masing, selain menetapkan semula dan memastikan rantaian bekalan serantau serta hubungannya dengan ekonomi global.

"Saya percaya, jika kita meneruskan langkah ini dengan tekad dan komitmen, ASEAN dapat mencapai ketahanan ekonomi dan berada di landasan untuk menjadi ekonomi keempat terbesar menjelang 2030," katanya.